

31/12/1999

## Festival Melaka tarik pelancong

MELAKA, Khamis - Kerajaan negeri berharap dapat menarik lebih tiga juta pelancong asing dan tempatan untuk berkunjung ke negeri ini sepanjang tahun depan.

Sehubungan itu, satu festival pelancongan Melaka akan diadakan untuk memberi maklumat mengenai pelbagai produk pelancongan, peninggalan sejarah dan unsur pelancongan lain kepada orang ramai.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata festival itu akan diadakan di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) mulai 23 Januari hingga 21 Februari 2000.

Beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan festival berkenaan pada 27 Januari depan.

"Sejumlah 72 syarikat juga sudah bersetuju menyewa beberapa kaunter yang disediakan di KLCC sepanjang festival berkenaan," katanya di sini, hari ini.

Menurut Mohd Ali, selain memiliki pelancongan sejarah, negeri Melaka juga mempunyai keistimewaan lain yang boleh dimajukan sebagai salah satu aset pelancongan.

Sebagai contoh, katanya, negeri ini mempunyai banyak pusat pengajian tinggi dan kolej swasta yang boleh dimajukan sebagai pelancongan pendidikan.

Selain itu, Melaka juga memiliki banyak hospital dan pusat perubatan swasta, tempat rekreasi dan padang golf yang boleh diusahakan sebagai pelancongan kesihatan dan pelancongan sukan.

"Semasa festival ini berlangsung, beberapa seminar, bengkel dan perjanjian persefahaman akan diadakan antara firma tempatan dengan agensi luar negara," katanya.

Mohd Ali berkata, keputusan kerajaan negeri menganjurkan festival itu di Kuala Lumpur adalah bertujuan membawa pelancong yang berada di ibu negara, meneruskan lawatan mereka ke Melaka.

Katanya, setakat ini, 1.5 juta pelancong asing dilaporkan melawat Melaka setiap tahun dan jika pelbagai usaha promosi ditingkatkan, hasrat untuk menarik tiga juta pelancong ke negeri ini, akan menjadi kenyataan.

Menurutnya, pelbagai hadiah menarik, termasuk sebuah kereta Proton Wira, motosikal Jaguh dan motosikal Kris, sudah disediakan oleh pihak penganjur kepada pengunjung yang bertuah.

Beliau berkata, kereta Proton Wira adalah disumbangkan oleh DRB Hicom Bhd kepada mana-mana pelancong asing yang melawat Melaka mulai 28 Januari hingga 31 Disember tahun depan.

"Setiap pelancong asing yang melawat Melaka, akan diberikan tiket khas dan undian akan dibuat pada akhir tahun untuk memilih pemenang bertuah," katanya.

(END)